

Program pulihara paya bakau

INSTITUT EkoSains Borneo (IEB), UPM Kampus Bintulu (UPMKB), dengan kerjasama Universiti Pertanian Tokyo (Tokyo Nodai), baru-baru ini menganjurkan Tokyo Nodai-Upmkb Borneo Mangrove Exploration Student Inbound Program 2025, bertujuan memperkukuh kerjasama pemuliharaan bakau di Sarawak.

Program di Kuala Sibuti ini melibatkan 10 ahli Mangrove Research Club Tokyo NODAI yang mengkaji ekosistem bakau Borneo.

Peserta diberi pendedahan mengenai kepelbagaian

biologi bakau dan cabaran pemuliharaannya. Program ini turut menyumbang kepada usaha pemeliharaan ekosistem bakau, kelestarian biodiversiti, dan memperkukuh hubungan akademik antara UPMKB dan Tokyo NODAI.

Program ini turut memuatkan taklimat pendidikan, aktiviti lapangan, dan kerjasama dengan Pejabat Hutan Wilayah Miri.

■ PESERTA Jepun bagi Tokyo NODAI-UPMKB Borneo Mangrove Exploration Student Inbound Program 2025 bergambar kenangan.

